

SOALAN LAZIM (FAQ)

Kemas kini Maklumat Pelanggan



1. Mengapa saya perlu mengemas kini maklumat peribadi saya?

Mengemas kini maklumat peribadi anda akan membantu:

- Meningkatkan ciri keselamatan akaun anda.
- Memastikan kelancaran proses transaksi.
- Memudahkan pihak Bank untuk berkomunikasi dengan anda berkaitan maklumat atau kemas kini perkhidmatan perbankan.

2. Apakah maklumat yang perlu saya kemas kini?

Bagi pelanggan individu, anda dikehendaki mengemas kini maklumat berikut:

- Alamat Kediaman / Alamat Surat-Menyurat
- Alamat Emel
- Nombor Kad Pengenalan
- Nombor Pengenalan Cukai (TIN) – bagi pelanggan warganegara asing
- Nombor Telefon
- Maklumat Pekerjaan & Majikan
- Maklumat Pasport
- Maklumat Kad Orang Kurang Upaya (OKU)

Bagi pelanggan bukan individu, maklumat berikut perlu dikemas kini:

- Senarai Penandatanganan bagi Syarikat / Perniagaan / Persatuan / Koperasi
- Senarai Ahli Lembaga Pengarah bagi Syarikat

3. Bilakah tarikh akhir untuk kemas kini maklumat saya?

Anda dikehendaki mengemas kini maklumat anda **sebelum 1 Januari 2027**. Kegagalan berbuat demikian mungkin menjejaskan perkhidmatan perbankan kami kepada anda.

4. Bagaimana saya boleh mengemas kini maklumat saya?

Anda boleh mengemas kini profil anda melalui mana-mana kaedah berikut:

- **BIMB Web:** <https://web.bimb.com> atau **Aplikasi BIMB Mobile**
- **Penyerahan Borang:** Muat turun borang melalui kod QR, cetak, lengkapkan dan serahkan ke cawangan Bank Islam yang berdekatan.
[Nota: Kod QR tersedia di Notis Komunikasi kami berkenaan Pengemaskinian Maklumat Peribadi Pelanggan]
- **Secara Bersemuka:** Kunjungi mana-mana cawangan Bank Islam.

5. Adakah saya perlu hadir ke cawangan untuk mengemas kini maklumat?

Ya, sekiranya anda mengalami mana-mana situasi berikut:

1. Anda memilih untuk mengemas kini secara bersemuka di cawangan;
2. Anda tidak mempunyai akses ke **BIMB Web**;
3. Anda memilih untuk menghantar borang kemas kini maklumat;
4. Maklumat yang anda ingin kemas kini tidak tersedia melalui BIMB Web (sila rujuk soalan no. 8 di bawah);
5. Anda mempunyai akaun bukan individu, seperti akaun perniagaan atau organisasi.

6. Sebagai pemegang akaun bukan individu, adakah saya perlu membawa sebarang dokumen?

Ya, sila bawa dokumen-dokumen berikut:

- Pengenalan sah wakil yang diberi kuasa
- Dokumen pendaftaran asal entiti/perniagaan
- Salinan resolusi perniagaan yang disahkan
- Salinan minit mesyuarat yang disahkan
- Dokumen sokongan lain yang berkaitan (jika berkenaan)

7. Di manakah saya boleh nyatakan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) dan/atau maklumat Kad OKU?

Sila isi maklumat ini di bahagian “Lain-lain” dalam borang Permohonan Pertukaran Maklumat Akaun.

8. Maklumat peribadi apakah yang boleh saya kemas kini melalui BIMB Mobile dan BIMB Web?

Anda boleh mengemas kini maklumat peribadi berikut secara terus melalui BIMB Mobile atau BIMB Web:

- Alamat Surat-Menyurat
- Alamat Emel
- Pekerjaan
- Maklumat Pekerjaan – Jenis, Sektor, Nama Majikan, Tarikh Mula Bekerja
- Pendapatan Tahunan
- Tahap Pendidikan
- Status Perkahwinan
- Bilangan Tanggungan

9. Bagaimana saya boleh mengemas kini maklumat peribadi melalui BIMB Mobile dan BIMB Web?

Untuk mengemas kini maklumat melalui **BIMB Mobile** atau **BIMB Web**, sila ikuti langkah berikut:

Klik *Manage* > *tab My Profile* > pilih sama ada *My Profile*, *Employment Info* atau *Mailing Address* untuk kemas kini maklumat.

10. Bolehkah pelanggan bukan individu mengemas kini maklumat perbankan melalui eBankerPro?

Tidak, pelanggan bukan individu seperti perniagaan, organisasi atau entiti lain tidak boleh mengemas kini maklumat perbankan melalui eBankerPro. Untuk tujuan pengesahan dan pematuhan kepada peraturan perbankan, kemas kini perlu dilakukan secara bersemuka di cawangan Bank Islam yang berdekatan.

11. Apakah yang akan berlaku jika saya tidak mengemas kini maklumat saya?

Kegagalan untuk mengemas kini maklumat peribadi anda sebelum tarikh akhir yang ditetapkan boleh menjejaskan perkhidmatan perbankan kami kepada anda.

Sila kemas kini maklumat anda melalui:



Perbankan Internet
<https://web.bimb.com>



Muat turun, cetak,
lengkapkan dan hantar
ke cawangan berhampiran
atau [klik di sini](#).



Kunjungi [cawangan](#)
Bank Islam berhampiran